



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR



Diterbitkan Oleh
JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR
Tingkat 7 & 8, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam.
Telefon : 03-5514 3738
Fax : 03-5519 7584
E-mail : mufti_sel@selangor.gov.my
[http:// www.muftiselangor.gov.my](http://www.muftiselangor.gov.my)

PENGKID

PENGKID

JABATAN MUFTI SELANGOR
www.muftiselangor.gov.my

Cetakan Pertama.....2010
Cetakan Kedua.....2015
© Jabatan Mufti Negeri Selangor

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Pengkid
ISBN 978-983-042-409-5

Aturhuruf dan Dicetak oleh:

Magicreative Sdn. Bhd
No. 23 Jalan Seri Putra 3/12
Bandar Seri Putra
43000 Bangi
Selangor Darul Ehsan
Tel.: 603-89250400
Faks: 603-89258400
email: magicreative@gmail.com

Kandungan

Pendahuluan

Pengertian Pengkid

Pengkid Dari Sudut Hukum

Kesimpulan

Bibliografi

PENGKID

Pendahuluan

Isu golongan wanita membawa imej lelaki telah lama diperkatakan. Jika suatu waktu dahulu, wanita yang berperwatakan lelaki ini digelar tomboy, kini muncul pula golongan yang dinamakan sebagai pengkid dengan imej, penampilan dan perwatakan lelaki. Budaya pengkid telah menjadi fenomena global, semakin menular dan berleluasa.

Pengertian Pengkid

Pengkid lazimnya diertikan sebagai perempuan yang cuba sedaya upaya berkelakuan, bercakap dan cara berpakaian seperti lelaki. Dari segi naluri kejantinaan, mereka menyukai kaum sejenis, iaitu perempuan.

Pengkid juga diertikan sebagai golongan perempuan yang berfikir bahawa mereka adalah lelaki. Mereka memakai pakaian sama seperti pakaian lelaki, malah sesetengah mereka memakai bengkung untuk tidak menampakkan buah dada, dengan itu mereka kelihatan seperti lelaki sejati.

Dalam komuniti pengkid ini, terdapat satu golongan yang dipanggil gay pengkid. Mereka ini pula ialah perempuan yang memakai pakaian seperti lelaki dan pasangan mereka juga seperti mereka yang bergaya seperti lelaki. Kedua-duanya berlagak seperti lelaki.

Pengkid berbeza dengan tomboy. Tomboy ialah perempuan yang memakai pakaian seperti lelaki, tetapi mereka masih mempunyai naluri seks terhadap lelaki. Ini bermakna penampilan rupa zahir sahaja meniru gaya seperti lelaki tetapi perasaan mereka masih tertarik kepada lelaki. Ini bermaksud, golongan ini dari segi sifat kewanitaannya masih normal.

Pengkid juga tidak sama dengan lesbian. Lesbian ialah perempuan yang pada zahir fizikalnya kelihatan jelas sebagai perempuan yang normal, tetapi pada naluri kejantinaan, mereka hanya meminati kaum sejenis mereka, iaitu perempuan.

Ringkasnya, pengertian pengkid merujuk kepada gadis yang mempunyai penampilan fizikal mirip lelaki, berjiwa kelelakian, cenderung untuk menjalinkan hubungan intim dengan wanita, serta cuba menonjolkan identiti gender berlawanan daripada norma-norma biologi dan sosial yang mereka miliki.

Pengkid Dari Sudut Hukum

Dalam membahaskan isu berkaitan wanita menyerupai lelaki, majoriti ulama' bersepakat bahawa Islam melarang perbuatan tersebut, sama seperti lelaki dilarang menyerupai wanita. Merujuk kepada kitab Fiqh al-Islami wa Adillatuh, Dr. Wahbah al-Zuhaili menegaskan bahawa haram ke atas lelaki menyerupai wanita dan begitu juga sebaliknya, haram wanita menyerupai lelaki.

Sabda Nabi SAW :

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُخْتَلِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَلَمُتْرَجَلَاتٍ مِنَ النِّسَاءِ

رواه البخارى

Maksudnya:

Daripada Ibn Abbas RA, beliau berkata: "Rasulullah SAW melaknat mereka yang menyerupai wanita daripada kalangan lelaki dan mereka yang menyerupai lelaki daripada kalangan wanita."

Maksud menyerupai dalam konteks hadith di atas termasuklah dari aspek gaya rambut, perhiasan, penampilan, cara bercakap, cara berpakaian dan sebagainya.

al-Syeikh Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin menerusi bukunya Fatawa wa Rasa'il li al-Nisa' menegaskan bahawa haram ke atas lelaki menyerupai kaum wanita sama ada dari aspek tingkah laku, percakapan, perhiasan, cara berpakaian dan sebagainya dalam perkara yang dikhususkan untuk wanita. Begitu juga sebaliknya, haram ke atas wanita menyerupai kaum lelaki.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلَ يَلْبَسُ لِبْسَةَ الْمَرْأَةِ وَالْمَرْأَةَ تَلْبَسُ لِبْسَةَ الرَّجُلِ

رواه أبو داود

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah r.a, beliau berkata: "Rasulullah SAW telah melaknat orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan perempuan yang memakai pakaian lelaki."

Seterusnya al-'Uthaimin menjelaskan bahawa, yang berlaku pada hari ini ialah situasi yang berlawanan dengan fitrah yang telah diciptakan oleh Allah SWT,

iaitu terdapat segelintir kaum lelaki yang tampil dengan imej berambut panjang, berpakaian ketat dan sempit serta berlagak seperti perempuan. Begitu juga dengan kaum wanitanya yang memendekkan rambut dan berlagak seperti lelaki. Beliau menegaskan bahawa situasi ini adalah suatu yang terkeluar daripada fitrah, dan ikutan yang membuta tuli ini akan mengancam para pemuda dan pemudi Islam di seluruh dunia.

Bagi golongan pengkid ini, kelazimannya mereka tampil dengan rambut pendek sama seperti gaya rambut lelaki, malah ada yang terlalu pendek sehingga menampakkan kulit kepala. Oleh itu, berhubung isu sama ada wanita dibenarkan memotong pendek rambut mereka sehingga menyerupai lelaki, majoriti ulama' berpandangan bahawa amalan tersebut adalah dilarang dan tidak dibolehkan.

Merujuk kepada pandangan beberapa orang ulama', Syeikh Abdul Aziz ibn Baaz melontarkan pandangan berikut: *"Tidak ada salahnya wanita memotong pendek rambut mereka. Ia boleh dilakukan mengikut kesesuaian dan keselesaan masing-masing, kerana membiarkan rambut terlalu panjang juga boleh mengundang kesusahan terutama dari aspek penjagaan kebersihan. Namun demikian, memotong rambut dengan niat untuk meniru gaya rambut wanita bukan Islam adalah sesuatu yang dilarang. Begitu juga dengan mencukur keseluruhan rambut sehingga botak, ia dilarang dan tidak dibenarkan, kecuali ketika berhadapan dengan masalah atau penyakit tertentu."*

Dalam isu yang sama, Dr. Ahmad al-Syarbasi menjelaskan bahawa dihukumkan sebagai haram bagi wanita yang mencukur rambutnya dengan tujuan menyerupai kaum lelaki.

Selanjutnya, meneliti ruangan soal jawab menerusi laman web IslamOnline.net, jawapan yang dikemukakan tidak jauh berbeza dengan pandangan ulama' lain. Syeikh Ahmad Kutty, Pensyarah Kanan Universiti Islam Toronto, Kanada berpandangan, wanita diberi pilihan sama ada untuk memotong pendek rambut mereka atau sebaliknya selagi ia untuk tujuan kebaikan. Walau bagaimanapun, mencukur keseluruhan rambut atau memotong pendek rambut mereka dengan tujuan menyerupai kaum lelaki adalah dilarang. Beliau mengakhiri jawapannya dengan suatu ingatan kepada para wanita Islam bahawa mereka diwajibkan menutup rambut serta tidak mempamerkannya kecuali di hadapan suami atau lelaki yang mahram dengan mereka sahaja.

Hidup secara berpasang-pasangan merupakan sunnah Allah ke atas makhluk ciptaannya. Begitu juga dengan manusia yang diciptakan secara berpasangan antara lelaki dan wanita. Firman Allah SWT:

سُبْحَنَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا
يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

Maha Suci Allah Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk, semuanya berpasangan; sama ada daripada yang ditumbuhkan oleh bumi, atau daripada diri mereka, ataupun daripada apa yang mereka tidak dapat mengetahuinya.

(Surah Yasin: 36)

Namun begitu, dalam perhubungan lelaki dengan wanita yang bukan mahram, Allah SWT telah menetapkan batas-batas tertentu terhadap pergaulan antara mereka. Mereka dilarang bercampur dan bergaul mesra dengan sewenang-wenangnya antara satu sama lain, kecuali pada had dan batasan yang dibenarkan sahaja. Allah SWT telah mensyariatkan perkahwinan kerana melalui ikatan perkahwinan yang sah perhubungan antara lelaki dengan wanita yang bukan mahram menjadi halal. Di samping itu, banyak manfaat akan diperoleh daripada sesebuah perkahwinan yang dibina sama ada sebagai memenuhi keperluan fitrah manusia, mengembangkan keturunan yang sah dan baik, mewujudkan ketenangan jiwa dan sebagainya. Firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya:

Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

(Surah al-Rum: 21)

Firman Allah SWT:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَّامَ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ

Maksudnya:

Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) antara kamu, dan orang-orang yang soleh daripada hamba-hamba kamu.

(Surah al-Nur: 32)

Walau bagaimanapun, dalam arus globalisasi yang melanda dunia kini, perkahwinan tidak lagi terhad antara lelaki dan wanita semata-mata, kerana perkahwinan sesama jenis seperti lelaki dengan lelaki dan wanita sesama wanita telah semakin diterima atas dasar ia adalah hak individu dengan bertunjangkan ideologi liberalisme. Lebih malang, terdapat beberapa buah negara Barat yang telah mengiktiraf perkahwinan sesama jenis ini sebagai perkahwinan yang sah daripada aspek undang-undang sehingga melayakkannya untuk didaftarkan.

Dalam hal ini, Islam hanya mengiktiraf ikatan perkahwinan yang sah antara lelaki dan perempuan sahaja, sedangkan perkahwinan atau perhubungan sesama jantina sama ada lelaki sesama lelaki (homoseksual) mahupun wanita sesama wanita (lesbian) adalah diharamkan dan ditolak kerana perhubungan tersebut adalah sesuatu yang berlawanan dengan sunnatullah.

Firman Allah SWT:

أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿١١٥﴾ وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ
أَزْوَاجِكُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١١٦﴾

Maksudnya:

Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki daripada kalangan manusia, dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) daripada badan isteri-isteri kamu? (Kamu orang-orang yang bersalah) bahkan kamu ialah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan).

(Surah al-Syu'ara': 165-166)

Kesimpulan

Berdasarkan keterangan dan hujah-hujah di atas, dua kesimpulan yang boleh dijadikan asas pertimbangan dalam menetapkan hukum dapat dibuat, iaitu:

- Lelaki mahupun wanita Islam adalah ditegah menampilkan diri dengan penampilan yang bertentangan dengan sifat-sifat semula jadi mereka, atau dalam erti kata lain meniru dan menyerupai (tasyabbuh) jantina yang berlawanan dengan jantina asal mereka.
- Islam hanya mengiktiraf perkahwinan yang sah antara lelaki dan wanita sahaja, sedangkan perkahwinan atau perhubungan sesama jantina seperti lelaki dengan lelaki mahupun wanita dengan wanita adalah ditolak dan tidak dihalalkan.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil.1/2009 yang bersidang pada 18 Mac 2009 bersamaan 21 Rabiul Awwal 1430H telah mengambil keputusan seperti berikut :

“Pengkid iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram disisi Islam.”

BIBLIOGRAFI

1. Al-Quran al-Karim
2. Al-Hadis
3. Ahmad al-Syarbasi (Dr.), *Yasalunaka fi al-Din wa al-Hayah*, jilid 6. Beirut: Dar al-Jil.
4. Muhammad bin Salleh al-'Uthaimin (al-Syeikh)(t.t), *Fatawa wa Rasail li al-Nisa'*. Kaherah: Maktabah al-Thurath al-Islami.
5. Wahbah al-Zuhaili (al-Ustaz al-Duktur)(1997), *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, juzuk 4. Beirut: Dar al-Fikr.
6. www.fatwa-online.com
7. www.Islamonline.net